

JEMPOL, luak pentadbiran tanah mengandungi dalam sistem tradisional Negeri Sembilan. Jempol tidak mempunyai Undang dan diperintah terus oleh Yamtuan Besar. Jempol dibahagikan kepada lima mukim iaitu Rompin, Serting Hilir, Jelai, Serting Hulu dan Kuala Jempol. Pusat pentadbiran daerah ialah Bandar Baru Serting.

Nama Jempol diambil sempena peristiwa yang berlaku terhadap seorang gadis bernama Japu. Japu ialah anak Tuk Pileh, Batin Hulu Jempol. Oleh sebab gagal memikat hati Japu, seorang pemuda dari Kampung Terentang, Leban Condong telah membuat fitnah terhadap Japu. Akibatnya, Japu dihukum oleh ayahnya dengan hukuman terjun ke dalam sungai yang dipenuhi buluh runcing. Tuk Pileh kemudiannya menyedari bahawa Japu tidak bersalah. Bagi mengingati kejujuran anaknya, Tuk Pileh menamakan sungai tempat Japu dihukum sebagai Sungai Jampu. Sejak itulah daerah tersebut dikenal sebagai Jampu dan lama-kelamaan sebutannya bertukar menjadi Jempol.

Di Kuala Sungai Jempol terletak Penarikan (sekarang dikenal sebagai Serting) yang menjadi laluan perdagangan terpenting di antara Melaka dengan Pahang pada abad ke-15. Sumber tempatan menyebut peristiwa Hang Tuah melarikan Tun Teja melalui sungai dan singgah di Penarikan.

Ketika Melaka jatuh ke tangan Portugis, Sultan Mahmud dan puteranya, Sultan Ahmad, berundur ke Jempol. Turut sama ialah Bendahara Paduka Tuan (Tun Mahmud Tun Perak yang lebih dikenal sebagai Bendahara Tepok atau Bendahara Lubuk Batu). Sebuah kubur tua di Jambu Lapan berhampiran Lubuk Batu dipercayai kubur Bendahara Paduka Tuan. Sempadan daerah Jempol disebut dalam perbilangan 'Batas Muar, sepanjang Sungai Muar, Batas Jempol, sepanjang Sungai Jempol, Batas Johol

sebagai Sungai Jelai.' Oleh itu, sempadan Jempol meliputi kawasan hulu sungai hingga ke kuala Sungai Jempol.

Pada tahun 1830-an, berlaku beberapa krisis sempadan Penghulu Luak Dato' Hassan dengan Undang Luak Jelebu. Undang Luak Jelebu mendakwa Kampung Bukit di Hulu Jempol termasuk dalam daerah Jelebu. Dato' Hassan pula menuntut kampung tersebut termasuk dalam daerahnya. Akhirnya, Undang Jelebu mengiktirafkan hak Jempol terhadap Kampung Bukit. Krisis sempadan berlaku lagi antara Tuk Batin Rendang dengan waris Pahang bernama Abdullah Kancil. Krisis ini diselesaikan dengan campur tangan Residen British, Martin Lister (1895–1897), dalam satu pertemuan di Sungai Lui. Kemudian berlaku lagi krisis terhadap hutan Pelaga, antara pemerintah Kuala Pilah dengan Jempol. Akhirnya, pengakuan Residen British, J.S.N. Hughes, dalam suratnya kepada Tuk Batin Layan bertarikh 1 Disember 1935 mengenai hak hutan itu, memberi sokongan moral kepada Jempol dalam usaha menentukan sempadannya.

Peneroka Minangkabau yang datang ke Jempol diper-cayai mula meneroka Jampu Lapan. Ketika itu daerah tersebut belum dikenal sebagai Jempol. Apabila penduduk Jempol semakin ramai, mereka berkehendakkan seorang ketua. Oleh itu, tiga wakil penduduk iaitu Tuk Pengeran, Tuk Mahga dan Tuk Poyang diutus ke balai Undang Luak Johol bagi mendapatkan waris cucu Biduanda untuk dijadikan penghulu. Undang Luak Johol melantik seorang perempuan daripada warisnya tetapi tidak dipersetujui. Oleh sebab itu, Undang menggantikannya dengan Daim, waris Biduanda di Pasir Besar. Wakil Jempol menerima Daim walaupun dia masih kecil. Bermula daripada peristiwa ini hubungan antara Jempol dengan Johol menjadi rapat.

Johol dan Jempol mempunyai pertalian sejarah dalam membentuk pertalian beradat. Penghulu Luak Jempol menjadi ketua adat dan agama. Gelaran yang disandangnya ialah Dato' Lela Putra Setiawan. Mereka dilantik daripada waris Biduanda yang berhak menyandang pesaka iaitu di keturunan Patam. Di bawah Penghulu ialah Dato' Lembaga yang mengetuai suku masing-masing. Di samping itu, diwujudkan pula pesaka Raja Muda Serting di Jempol. Penghulu Luak Jempol dikurniakan cap mohor oleh Sultan Johor. Mohor ini diperoleh sebagai membalas jasa taat setia Dato' Jempol kepada Yamtuan Antah yang berlindung di Johor pada tahun 1874. Pengaruh Johor ke atas Jempol berterusan meskipun Penghulu Luak sudah menjemput raja dari Minangkabau seperti perbilangan:

Beraja ke Johor
Bertali ke Siak
Bertuan ke Minangkabau

Penghulu Luak Jempol sekarang ialah Dato' Haji Mohd Hashim Abdullah. Daerah Jempol kini giat dibangunkan dengan membuka tanah rancangan yang ditanami getah dan kelapa sawit. Malah pertambahan penduduk di Jempol kini disebabkan bertambahnya peneroka tanah rancangan yang kebanyakannya datang dari luar daerah termasuklah dari Pahang dan Johor. [*lih. j. JALAN PENARIKAN*]